

### PERATURAN PEMARKAHAN SEJARAH KERTAS 3

Pembinaan negara bangsa berbeza mengikut konsep Barat, Islam dan negara kita. Kepelbagaian tafsiran ini disebabkan oleh perkembangan sejarah yang berbeza berlaku di Eropah, Asia Barat dan Malaysia

Berdasarkan pernyataan tersebut, anda dikehendaki menjawab soalan/ tugas berikut.

Soalan	Isi dan Huraian	Markah
1	Jelaskan latar belakang pembinaan negara dan bangsa dalam masyarakat Melayu tradisional.	<i>5 markah</i>
F1	Muncul kerajaan disebabkan adanya raja	1
F2	Kedudukan raja tinggi dan istimewa dalam kerajaan	1
F3	Raja bertanggungjawab memberikan perlindungan politik	1
F4	Menjamin keselamatan rakyat	1
F5	Rakyat yang mendiami wilayah akan mengakui kekuasaan raja	1
F6	Kesetiaan rakyat terhadap raja akan menentukan sempadan kerajaan / wilayah	1
F7	Kerajaan kuat akan menakluk atau menaungi kerajaan lemah	1
F8	untuk mengembangkan empayarnya.	1
F9	Kesultanan Melayu Melaka mempunyai banyak taklukan dan naungan	1
F10	Negeri bererti kawasan	
F11	Negeri Larut / Bernam / Krian	1
	<b>(mana-mana 11 x 1m = 5m)</b>	1
2.	<p>1. Setiap negara mempunyai latar belakang pembinaan negara dan bangsa yang berbeza. Bincangkan latar belakang pembinaan negara dan bangsa berikut:</p> <p>i. Itali ii. Jerman iii. Kerajaan Islam Madinah</p> <p><b>i) Itali</b></p>	<i>30 markah</i>
F1	Pada mulanya dibahagikan kepada beberapa buah wilayah	1
F2	Di bahagian utara, beberapa wilayah masih dikuasai oleh orang Austria	1
F3	seperti Venetia / Lombardy	1
F4	Orang Itali mahu menyatukan wilayah-wilayah mereka di bawah sebuah pemerintahan	1
F5	Menghalau orang Austria dari Itali	
F6	Menggunakan amalan real politik	1
F7	Count Camillo Benso di Cavour	1
F8	Berusaha menyatukan Itali supaya menjadi sebuah negara	1
F9	Menyanjung penyatuan Itali berlandaskan pemerintahan monarki	1
F10	Bekerjasama dengan Napoleon III bagi menentang Austria	1
F11	Hasil bantuan Napoleon III, Itali berjaya menewaskan Austria	1
F12	Melalui pungutan suara, Count Camillo Benso di Cavour	1
F13	Memperolehi sokongan majoriti rakyat untuk menyatukan Itali	1
F14	Sebagai balasan terhadap kerjasama Itali membantu Prussia menewaskan Austria	1
F15	Wilayah Venetia dipulangkan kepada Itali	1

F16	Perancis mengundurkan tenteranya dari Rom	1
F17	Count Camillo Benso di Cavour menyatukan Rom dan Itali	1
F18	Penyatuan ini membentuk sebuah negara bangsa Itali	1
	<b>ii) Jerman</b>	
F19	Otto Eduard von Bismarck	1
F20	Mengamalkan realpolitik	1
F21	Politik darah dan besi	1
F22	Menyatukan Jerman	1
F23	Menggunakan tipu helah	1
F24	Menggunakan pemalsuan dokumen	1
F25	Menggunakan provokasi	1
F26	Menggunakan ugutan	1
F27	Menganjurkan sistem kediktatoran	1
F28	Menggunakan isu membenci kuasa asing untuk membangkitkan semangat rakyat	1
F29	Berperang dengan Denmark, Austria dan Perancis	1
	<b>c) Kerajaan Islam di Madinah</b>	
F30	Penyatuan melalui prinsip Islam	
F31	Nabi Muhammad s.a.w	1
F32	Menyusunkan perlembagaan terlebih dahulu	1
F34	Piagam Madinah berjaya menyatukan penduduk berbilang kaum	1
F35	Membentuk negara Islam	1
F36	Melalui cara diplomasi	1
F37	Melalui musyawarah	1
F38	Melalui cara permuafakatan	1
F39	Wujud kerjasama antara pemimpin dengan pemimpin	1
	Wujud kerjasama antara pemimpin dengan rakyat	1
	(mana-mana 30 x 1m = 30m)	1

3.	Kerjasama pemimpin dan rakyat telah merealisasikan pembinaan negara dan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan maju. Terangkan ciri-ciri negara dan bangsa Malaysia.	10 markah
F1	<b>Negara</b>	1
H1a	Wilayah yang mempunyai penduduk, sempadan, pemerintah yang berwibawa	1
H1b	Malaysia terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah	1
H1c	Merujuk kepada institusi pemerintahan yang tersusun	1
H1d	Bertanggungjawab membuat dan melaksanakan keputusan politik	1
H1e	menguatkuasakan undang-undang dan peraturan kerajaan	1
F2	<b>Bangsa</b>	1
H2a	Sekumpulan manusia yang mendiami sesebuah wilayah	1
C2a	Melayu, Cina, India dan lain-lain	1
H2b	Mempunyai persamaan dari segi bahasa, adat resam, kesenian dan pengalaman sejarah	1
H2c	Idea bangsa ini sering digunakan oleh negara kita untuk melahirkan perasaan bersatu padu dalam kalangan rakyat berbilang kaum.	1
H2d	Demi membentuk sebuah bangsa Malaysia yang kukuh	1
F3	<b>Kerajaan</b>	1
H3a	Institusi pemerintah	1
H3b	Bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan dasar negara	1
H3c	Merangkumi semua badan yang membuat, mentafsir dan melaksanakan	1
4a	dasar-dasar tersebut.	
H3d	Pengaman dan penentu arah kehidupan masyarakat sesebuah negara	1
H3e	Kerajaan di negara kita merujuk kepada tiga badan dalam pemerintahan	1
H3f	Badan Perundangan, Badan Pelaksana dan Badan Kehakiman	1
F4	<b>Perlembagaan</b>	1
H4a	Peraturan tertinggi	1
H4b	Bertulis atau tidak bertulis	1
H4c	Rujukan dan panduan bagi mentadbir dan memerintah sesebuah negara	1
H4d	Perlembagaan yang didokumenkan	1
H4e	Memberi jaminan perlindungan kepada rakyat negara ini	1
	<b>(mana-mana 10 x 1m = 10m)</b>	
4.	Ciri-ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka	15 markah
F1	<b>Mempunyai wilayah</b>	1
H1a	mempunyai kawasan lingkungan pengaruh yang luas	1
H1b	sempadan tidak ditetapkan	1
H1c	empayarnya meliputi seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan seluruh timur Sumatera.	1
F2	<b>Kedaulatan</b>	1
H2a	merujuk kepada raja yang memerintah	1
H2b	mewakili negeri atau kawasan pemerintahan	1
F3	<b>Lambang negara</b>	1
H3a	simbol atau tanda menjadi identiti sesebuah negara	1
H3b	bahasa melayu merupakan bahasa kebangsaan	1

H3c	lambang penyatuan negara dan bangsa	1
H3d	sistem pemerintahan beraja	1
H3e	adat istiadat Melayu	1
H3f	alat regalia	1
H3g	nobat	1
H3h	warna	1
H3i	bahasa	1
H3j	undang-undang	1
H4k	protokol dan	1
H3l	adat istiadat istana	1
F4	<b>Undang-undang bertulis</b>	1
H4a	Hukum Kanun Melaka	1
H4b	Mengandungi 44 fasal	1
H4c	menyentuh bidang kuasa raja dan pembesar	1
H4d	pantang larang dalam kalangan anggota masyarakat	1
H4e	menyatakan hukuman terhadap kesalahan jenayah awam	1
H4f	undang-undang keluarga	1
F5	<b>Undang-undang Laut Melaka</b>	1
H5a	menyentuh tatacara pelayaran laut	1
H5b	tanggungjawab pengawal kapal	1
H5c	atur cara pelayaran	1
H5d	perniagaan	1
H5e	bidang kuasa nakhoda kapal	1
H5f	hukuman bagi kesalahan jenayah	1
F6	<b>Rakyat</b>	1
H6a	bertanggungjawab mentaati raja yang memerintah	1
H6b	rakyat bersedia mempertahankan negara	1
H6c	menghadiri adapt istiadat kerajaan	1
H6d	mengadakan gotong-royong	1
H6e	kerahan tenaga	1
F7	<b>Kerajaan</b>	1
H7a	pemerintah yang tertinggi	1
H7b	dibantu oleh bendahara / Penghulu Bendahari / Temenggung /Laksamana	1
H7c	tonggak institusi kerajaan yang memerintah	1
H7d	diberi portfolio mengikut bidang tugas masing-masing	1
H7e	Melaksanakan Sistem Pembesar Empat Lipatan	1
	<b>(mana-mana 15 x 1m = 15m)</b>	
5.	<p>Pembinaan negara dan bangsa Malaysia dianggap istimewa berbanding dengan negara lain. Mengapakah pembinaan negara dan bangsa Malaysia dianggap demikian?</p> <p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang sangat sesuai dan munasabah. Fakta sangat tepat Semua isi penting dihuraikan dengan mendalam dan seimbang Huraian disertakan dengan contoh dan bukti yang sangat jelas dan bersesuaian Pengolahan/ komunikasi sangat menarik</p>	<p>Aras 4 9-10</p>

	<p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang sesuai tetapi ringkas  Fakta yang tepat  Beberapa isi penting dihuraikan dengan mendalam dan seimbang  Huraian disertakan dengan contoh dan bukti yang jelas  Pengolahan/ komunikasi menarik</p> <p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas dan mendalam  Fakta yang tepat  Huraian kurang mendalam dan tidak seimbang  Penerangan beserta dengan contoh dan bukti yang terhad  Pengolahan/komunikasi masih menarik</p> <p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang terhad  Fakta masih tepat tetapi secara umum/ tanpa penerangan  Tiada bukti dan contoh yang sesuai  Tiada inferens  Pengolahan/ komunikasi tidak menarik</p> <p>Contoh jawapan:  Aras 4 ( 9-10 )</p> <p><i>Kerjasama pemimpin untuk menyatukan pelbagai kaum yang berlainan bahasa, budaya, kepercayaan terhadap keduniaan.  Dengan ini, pemimpin yang terdiri daripada pelbagai kaum telah bergabung membentuk Sistem Ahli untuk mentadbir negara.  Selain itu, usaha mengadakan Pakatan Murni dalam kalangan penduduk telah menghasilkan kerjasama dan tolak ansur politik melalui rundingan.  Pemimpin UMNO, MCA dan MIC turut membentuk permuafakatan politik melalui Parti Perikatan untuk mendapatkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957  Kerjasama ini mendapat sokongan pelbagai kaum di semua peringkat dan menjadi jalan penyelesaian untuk menyatukan pelbagai kaum di Malaysia  Jelaslah , langkah pemimpin untuk berunding bagi mengatasi kemelut politik negara dan bangsa menjayakan pembentukan negara dan bangsa Malaysia yang bersatu</i></p> <p><i>Tolak ansur antara kaum telah mewujudkan negara dan bangsa yang bersatu  Isu kerakyatan jus soli menjadi isu hangat dalam proses pembentukan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.  Kerakyatan ini telah menjadi tuntutan orang dagang tidak diterima oleh orang Melayu  kerana memberikan hak sama rata kepada semua kaum menyebabkan kedudukan orang Melayu lemah.  Namun, hasil rundingan kerakyatan Jus soli diterima dengan syarat orang bukan Melayu mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.  Malahan, agama Islam dipersetujui sebagai agama rasmi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan  Tolak ansur antara kaum menjayakan usaha pembinaan bangsa dan negara Malaysia yang harmoni dan tidak melibatkan pertumpahan darah .</i></p>	<p>Aras 3 7-8</p> <p>Aras 2 4-6</p> <p>Aras 1 1-3</p>
--	--	---

6.	<p>Perpaduan merupakan teras kepada pembinaan sesebuah negara bangsa. Jelaskan usaha-usaha untuk memperkukuh perpaduan bangsa.</p> <p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang sangat sesuai dan munasabah. Fakta sangat tepat Semua isi penting dihuraikan dengan mendalam dan seimbang Huraian disertakan dengan contoh dan bukti yang sangat jelas dan bersesuaian Pengolahan/ komunikasi sangat menarik</p> <p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas, tepat dan mendalam serta membuat inferens yang sesuai tetapi ringkas Fakta yang tepat Beberapa isi penting dihuraikan dengan mendalam dan seimbang Huraian disertakan dengan contoh dan bukti yang jelas Pengolahan/ komunikasi menarik</p> <p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang jelas dan mendalam Fakta yang tepat Huraian kurang mendalam dan tidak seimbang Penerangan beserta dengan contoh dan bukti yang terhad Pengolahan/komunikasi masih menarik</p> <p>Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang terhad Fakta masih tepat tetapi secara umum/ tanpa penerangan Tiada bukti dan contoh yang sesuai Tiada inferens Pengolahan/ komunikasi tidak menarik</p> <p>Contoh: Aras 4 ( 9-10 )</p> <p><i>Pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan.</i> <i>Dasar ini dibentuk atas kesedaran tentang kepentingan mengadakan satu sistem pendidikan kebangsaan untuk menggantikan sistem pendidikan penjajah dan bagi memenuhi keperluan tenaga manusia di negara ini selain melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan insan yang seimbang dan harmonis.</i> <i>Dengan ini pelbagai strategi telah dilaksanakan untuk memastikan perpaduan di negara kita dapat dikukuhkan.</i> <i>Antaranya, menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama,</i> <i>mewujudkan kurikulum yang sama dan berorientasikan Malaysia bagi semua jenis sekolah,</i> <i>memastikan sukatan pelajaran yang seragam serta pelbagai program pendidikan yang menggalakkan integrasi kaum.</i></p>	<p>Aras 4 9-10</p> <p>Aras 3 7-8</p> <p>Aras 2 4-6</p> <p>Aras 1 1-3</p>

	<p><i>Pada masa yang sama, hak kebudayaan kaum-kaum lain untuk mempelajari bahasa dan kebudayaan kaum masing-masing tetap dihormati dan diberi perlindungan sewajarnya.</i></p> <p><i>Jelaslah, usaha menyatukan bangsa Malaysia melalui sistem pendidikan yang sama dapat menanam semangat permuafakatan yang lebih harmonis dalam kalangan pelbagai kaum sejak peringkat rendah lagi.</i></p>	
8.	Huraikan kekangan yang dihadapi dalam proses membina negara dan bangsa Malaysia yang berdaulat.	10 markah
F1	<b>Kelahiran masyarakat majmuk</b>	1
H1a	Berlainan budaya/ bahasa/ agama dan kepercayaan	1
H1b	Imigran tidak berpeluang mengenali sosiobudaya tempatan	1
H1c	Imigran memandang rendah budaya masyarakat tempatan	1
H1d	akibat dasar pecah dan perintah British	1
F2	<b>pengasingan kaum dari segi ekonomi</b>	1
H2a	mengurangkan interaksi antara kaum	1
H2b	mengurangkan kerjasama antara kaum	1
H2c	Jurang ekonomi yang tidak seimbang	1
H2d	Program pembangunan yang dijalankan belum dapat mengatasi perbezaan	1
H2e	pendapatan antara kaum yang ketara	1
H2f	timbul perasaan tidak puas hati antara kaum	1
F3	<b>Sistem pendidikan pelbagai aliran/ vernakular</b>	1
H3a	menggunakan bahasa ibunda kaum masing-masing sebagai bahasa pengantar	1
H3b	Murid-murid pelbagai kaum dipisahkan	1
H3c	dan melalui sistem pendidikan yang tidak sama sejak sekolah rendah	1
F4	<b>Perbezaan fahaman politik</b>	1
H4a	Parti politik d itubuhkan berdasarkan kaum	1
H4b	dan hanya menjaga kepentingan kaum masing-masing	1
H4c	Pemimpin parti politik tertentu menimbulkan isu-isu sensitif	1
F5	<b>yang menyinggung kaum lain</b>	1
H5a	Sikap masyarakat yang mementingkan diri	1
H5b	Terdapat individu yang hanya berusaha memajukan dirinya sendiri	1
H5c	tanpa menghiraukan terdapat masyarakat yang memerlukan bantuan	1
	Mereka tidak melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan di tempat tinggal.	1
F6	<b>Cabaran globalisasi</b>	1
H6a	Pengaruh budaya asing yang negatif	1
H6b	meningkatkan kes jenayah	1
H6c	Keruntuhan institusi keluarga	1
H6d	Budaya penyayang semakin terhakis	1
H6d	melahirkan masyarakat yang kurang berdaya saing	1
H6e	Pegangan agama yang longgar	1
	Mana-mana jawapan yang munasabah	
	<b>(mana-mana 10 x 1m = 10m)</b>	

9.	Nyatakan nilai murni yang diperolehi daripada pembinaan negara dan bangsa Malaysia.	05 markah
F1	Jati diri yang kukuh menepis unsur negatif yang merosakkan minda	1
F2	Bersyukur atas keamanan dan kesejahteraan negara	1
F3	Hormat menghormati antara kaum menjamin perpaduan	1
F4	Sentiasa mengamalkan kerjasama dalam membangunkan negara	1
F5	Tolak ansur antara kaum demi mewujudkan keharmonian	1
F6	Bijak mengambil peluang meningkatkan pendapatan tanpa mengira kaum	1
F7	Berani mengambil risiko	1
F8	Kebijaksanaan pemimpin menyatukan pelbagai kaum	1
F9	Penguasaan ilmu pengetahuan untuk memajukan negara	1
F10	Berani mempertahankan negara daripada dikuasai oleh musuh	1
F11	Kegigihan berusaha mempersiapkan diri untuk memacu negara ke arah negara maju	1
F12	Kesetiaan kepada raja dan negara menjamin kedaulatan negara dikekalkan	1
F13	bersopan santun dalam kehidupan seharian	1
	Mana-mana jawapan yang munasabah <b>(mana-mana 05 x 1m = 05m)</b>	
9.	Buat rumusan tentang pembinaan negara dan bangsa Malaysia.  Pembinaan negara dan bangsa Malaysia telah diasaskan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Usaha murni ini diteruskan semasa penjajahan barat, perjuangan menuntut kemerdekaan dan semasa pembentukan Malaysia. Kejayaan pembantukan negara dan bangsa Malaysia bergantung kepada kesediaan warga negara yang terdiri daripada pelbagai kaum mengamalkan sikap tolak ansur dan kesederhanaan Setiap kaum sanggup berkongsi secara bijak dalam bidang politik, ekonomi dan sosial bagi memperkukuh pembinaan negara dan bangsa Malaysia. Generasi muda bertanggung jawab memastikan usaha membina negara dan bangsa Malaysia bersatu padu dan progresif.	5 markah